



قليت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 20

RABU 20 MEI 1987.

رابعو 21 رمضان 1407

PERCUMA

Pesuruhjaya Mahkamah Besar baru dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik Hakim Neil Macdougall menjadi Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru bagi tempoh selama tiga tahun yang mula berkuatkuasa pada 18 Mei lepas.

Istiadat mengangkat sumpah kehakiman berlangsung di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Timbalan Sultan di Istana Nurul Iman di sini pada petang Isnin 18 Mei, lalu.

Surat lantikan Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru itu telah dibacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Pengiran Haji Mokhtar Putih bin Pengiran Haji Rajid.

Hadir di istiadat pada hari itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg. Haji Abbas, Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Awang Mohammed Saied, serta YAM Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pg. Othman, Setiausaha Sulit Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru Hakim Neil Macdougall

PERUTUSAN TAHNIAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Olav V, Raja Norway bersempena dengan Hari Perlembagaan Norway pada 17 Mei, 1987.

PETIKAN TITAH

“Dengan kedudukan sosio-ekonomi dan politik negara kita yang mantap ini, telah dapat pula mengizinkan umat Islam di negara ini melaksanakan kegiatan-kegiatan keagamaan dan mengamalkan suruhan agama Islam dengan lebih baik dan teratur sekali.”

Dititahkan di Majlis Musabagah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin pada 7 April, 1987.

2 tahanan dibebaskan

KAMPONG SERUSOP. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan membebaskan dua orang tahanan yang ditahan di bawah kuatkuasa Undang-Undang Darurat.

Mereka yang dibebaskan pada 15 Mei itu ialah Awang Mohd. Noor bin Misir, 33 tahun berasal dari Kampong Sumbiling Baru dan Awang

Oleh Ahat Hj. Ismail

Idris bin Yaakub, 35 tahun berasal dari Miri, Sarawak.

Sebelum dibebaskan kedua mereka telah menjalani kursus pemulihan suaikenal selama dua minggu di mana mereka telah diberi penerangan serta taklimat, selain dibawa melawat ke jabatan-jabatan kerajaan dan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.

Dua hari sebelum dibebaskan kedua-dua mereka telah mengangkat sumpah dan melafazkan ikrar taat setia dengan mengusung kitab suci Al-Quran di hadapan Kadi Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Tassim bin Akim di Masjid Mohamed Bolkiah selepas sembahyang fardu Asar.

Selepas majlis mengangkat sumpah dan ikrar itu, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Mengenai Orang-



YDM Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Datu Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

orang Tahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Datu Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman berkata, maksud sumpah dan ikrar itu hendaklah difahami dan andainya dilanggar atau di-

engkari akan menerima akibatnya.

“Sebagai orang dewasa yang menganut ugama Islam dan berfikiran waras, awang-awang tentu telah memahami akan maksud sumpah dan ikrar itu dan tahu akan akibat balasannya di dunia dan akhirat jika awang-awang melanggar atau engkar dari memenuhi janji-janji yang telah dilafazkan atas nama Allah itu,” katanya.

Menyentuh mengenai keamanan dan kemakmuran negara ini, Yang Dimuliakan Pehin menyatakan Negara Brunei Darussalam di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengekalkan keamanan dan kestabilan negara ini di samping menambahkan kemakmuran dan meningkatkan pembangunan.

Lihat muka 20

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Timbalan Sultan berkenan mengurniakan surat lantikan sebagai Pesuruhjaya Mahkamah Besar yang baru kepada Hakim Neil Macdougall yang berlangsung di Istana Nurul Iman baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

MANISNYA IMAN

“Umpama orang yang duduk di majlis orang-orang salih, adalah seperti duduk bersama orang yang mempunyai minyak wangi, walaupun engkau tidak terkena minyaknya, engkau akan terkena harumnya. Dan umpama orang yang duduk di majlis orang-orang jahat adalah seperti duduk bersama tukang besi, jikalau engkau tidak terkena hitamnya, engkau akan terkena asapnya.” — Hadis riwayat Abu Daud daripada Anas.

Keselamatan Jalan Raya Di Tangan Awda



Pelita Brunei

20 MEI, 1987

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MEMELIHARA TARAF KESIHATAN YANG LEBIH SEMPURNA

PERKHIDMATAN perubatan dan kesihatan yang diberikan secara percuma kepada rakyat dan penduduk negara ini sememangnya telah benar-benar berfungsi dan dapat memperlihatkan sikap pematulian serta pemeliharaan yang sempurna dan sewajarnya. Sesungguhnya pencapaian sedemikian telah dapat melahirkan golongan masyarakat kita yang sihat fizikalnya. Dengan itu juga sekaligus hal ini dapat pula membentuk golongan masyarakat yang sihat rohani dan pemikirannya. Sesungguhnya 'otak yang sihat dapat dibentuk dari tubuh badan yang sihat juga'. Justeru itu pematulian seperti ini bukan sahaja diungkapkan di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar, malah juga penduduk pedalaman tidak tertinggal menerima pengamatan sedemikian. Untuk mereka perkhidmatan perubatan diberikan melalui rombongan 'doktor terbang' pada setiap minggu.

Kerana itu dalam menilai konsep 'sihat' itulah sebenarnya langkah-langkah dan usaha pihak kerajaan yang berkenaan iaitu, Kementerian Kesihatan, sememangnya tidak sunyi dari melaksanakan setakat usaha yang ada. Malah lebih dari itu, beberapa inisiatif serta perancangan yang lebih bererti terus diwujudkan. Sememangnya dalam bidang ini negara kita masih kekurangan tenaga doktor tempatan dan tenaga pakar-pakar perubatan yang ahli dalam perubatan tertentu. Namun semuanya ini telah dapat diatasi sebahagiannya dengan mendatangkan dari luar negeri para doktor dan pakar perubatan yang berpengalaman khusus dalam satu-satu penyakit tertentu. Lebih dari itu pusat-pusat perubatan yang ada juga telah dilengkapi dengan peralatan perubatan dan perawatan moden dan 'up-to-date'.

Kesungguhan pihak berkenaan dalam pematulian ini ditambah lagi dengan penghantaran pesakit-pesakit yang menderita penyakit tertentu keluar negeri bagi mendapatkan perubatan dan rawatan khusus atas perbelanjaan kerajaan.

Nyatallah dari perancangan berterusan dan usaha yang sentiasa ditingkatkan mutu perkhidmatannya itu, pencapaian taraf kesihatan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjamin. Negara telah mencapai suatu tahap penjagaan kesihatan rakyat dan penduduknya yang sempurna. Ini bererti juga usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kematian akibat penyakit dapat dikurangkan. Hasil dari itu sebahagian besar dari anggota masyarakat dapat dihindari dari berbagai penyakit berbahaya seperti penyakit malaria atau taun dari menular menjadi wabak. Demikian juga penyakit batuk kering yang sedikit masa dulu kita sudah bimbangkan pengkitannya, tetapi sekarang penyakit ini sudah tidak menimbulkan kesangsian kita dari dijangkiti, kerana adanya usaha-usaha yang gigih pihak berkenaan melaksanakan berbagai cara tentang bagaimana setiap kita tidak akan dijangkiti oleh penyakit berkenaan. Semuanya ini adalah juga hasil dari kesedaran anggota masyarakat sendiri untuk sentiasa memastikan kesihatan sentiasa terjamin iaitu kesedaran yang telah dihasilkan dari pemikiran dan otak yang sihat.

Kita tentunya menyadari betapa setiap kita tidak akan menderita sesuatu penyakit andainya kita sentiasa berada dalam suatu suasana keliling yang sentiasa bersih dari pencemaran. Pencemaran dari udara yang di dalamnya terdapat unsur-unsur oksigen yang kita sedut untuk bernafas. Dan pencemaran dari keadaan keliling yang sentiasa kotor bersempah dengan sampah-sarap. Untuk menjamin keadaan keliling yang bersih ianya juga memerlukan suatu kesedaran. Dari kesedaran itu bererti kita telah bertindak begitu cepat menghindari jangkitan penyakit. Sesungguhnya tindakan kecermatan kita itu merupakan langkah yang bijak, kerana menghindar sesuatu penyakit lebih baik dari mengubatnya.

Dengan yang demikian lawatan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Dato Paduka Dr. Hj. Johar serta rombongan ke Malaysia dan Singapura baru-baru ini yang dipenuhi dengan beberapa perbincangan dengan pihak Kementerian Kesihatan, dan pemerhatian secara dekat ke pusat-pusat perubatan negara-negara berkenaan meyakinkan lagi kepada kita akan kesungguhan pihak Kementerian Kesihatan negara ini untuk terus mengamati secara positif terhadap peri mustahaknya kita mengekal dan memelihara taraf kesihatan yang baik secara berterusan. Dengan adanya kerjasama yang mungkin diwujudkan di bidang perubatan dan kesihatan dengan kedua-dua negara itu nanti, kita penuh yakin kesinambungan taraf kesihatan rakyat dan penduduk negara ini akan terus terpelihara dengan baik dan sempurna. Semoga dengan itu generasi kita yang akan datang menjadi golongan masyarakat yang sentiasa terjamin taraf kesihatannya.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Saya, bagi pihak perwakilan dari Negara Brunei Darussalam mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang Dipertua kerana terpilih sebagai Yang Dipertua Perhimpunan Kesihatan Sedunia yang ke-40 ini. Tidak lupa juga kami mengucapkan syabas kepada mereka yang terpilih untuk memegang jawatan-jawatan lain bagi perhimpunan ini. Saya percaya dengan kepimpinan dan pengalaman saudara serta rakan-rakan sejawat saudara, saudara akan secara berterusan memanfaatkan hujah-hujah di perhimpunan ini ke arah mendatangkan kesan-kesan hebat terhadap dasar pergerakan kesihatan bagi semua.

Kita menyaksikan bahawa banyak kemajuan telah tercapai di seluruh dunia dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan manusia. Sejak pengisytiharan Alma Ata pada tahun 1978, semua negara menerima bahawa pendekatan-jagaan kesihatan asasi merupakan satu cara yang paling baik diamalkan untuk mencapai kesihatan bagi semua. Penyakit-penyakit berjangkit utama di kalangan kanak-kanak seperti lumpuh, kencing gigi, kerongkong, batuk kukul, campak dan batuk kering telah pun berjaya dihapuskan ataupun sekurang-kurangnya sudah jauh berkurangan di kebanyakan negara. Masalah-masalah penyakit-penyakit cirit-birit telah pun dengan jayanya dapat dikawal melalui rancangan di merata dunia yang berupa memberikan ubat yang dapat menambah air badan pesakit. Hasil-hasil kajian yang sentiasa saja diusahakan memberi keyakinan bahawa bilangan orang yang kena penyakit-penyakit sedemikian akan dapat dikurangkan lagi. Kajian dibidang kajiub telah juga mencapai kemajuan dalam memerangi dan merawat penyakit-penyakit seperti 'Schistosomiasis', 'River Blindness' dan penyakit kuning dan ianya juga membawa sedikit harapan yang baik dalam usaha mencari ubat penyakit Aids yang merupakan cabaran besar dalam usaha menuju ke arah pencapaian matlamat kesihatan bagi semua.

Dalam semua bidang kajian sedemikian, pertubuhan kesihatan sedunia telah bertindak sebagai bahan pencepat, dan saya harap ianya akan terus memberikan dukungan dan galakan apabila saja masalah-masalah baru timbul menggugat kemajuan kita dalam mencapai matlamat kesihatan bagi semua menjelang tahun 2000.

Di Negara Brunei Darussalam dasar dan strategi-strategi kesihatan yang berlandaskan kepada pendekatan-jagaan kesihatan asasi diusahakan untuk mencapai matlamat ini. Saya mesti menjelaskan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam sendiri telah mengakui dan menekankan betapa pen-

Cara pendekatan jagaan kesihatan asasi:

PALING BAIK DIAMALKAN UNTUK CAPAI KESIHATAN BAGI SEMUA

tingnya peranan alam sekitar sihat dan penyertaan masyarakat dalam mempengaruhi kegiatan sehari-hari rakyat Baginda. Sabit dengan inilah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja kami menubuhkan Kementerian Kesihatan yang baru dan berasingan pada bulan Oktober tahun lepas dan saya diberikan penghormatan untuk menjadi Menteri Kesihatan yang pertama.

Tuan Yang Dipertua dan para hadirin:

Peluang yang diberikan kepada saya untuk memberikan ucapan di majlis yang murni pada hari ini adalah keistimewaan dan penghormatan ulung yang agung kepada negara saya dan saya sendiri.

Brunei Darussalam adalah sebuah negara kecil yang mempunyai penduduk yang tidak ramai. Taraf kesihatan rakyatnya agak sebanding dengan kebanyakan negara-negara maju. Kadar kematian kanak-kanak yang baru lahir ialah 11.97 tiap 1000 dan sewaktu dalam kandungan ialah 12.3 tiap 1000 dan yang selamat lahir dijangka hidup sehingga usia 70.2 tahun bagi lelaki dan 72 tahun bagi perempuan.

Dekat separuh penduduknya diam di daerah tempat terletaknya ibu negeri dan kira-kira 15% daripada penduduk ini pula tinggal di Kampong Ayer di rumah-rumah yang dibina di atas air. Kebanyakannya pihak kerajaanlah yang memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan. Perkhidmatan-pengubatan kebanyakannya diberikan oleh rumah sakit rujukan pusat di ibu negara dan rumah-rumah sakit daerah di peringkat daerah serta pusat-pusat kesihatan sebagai pendukung rumah-rumah sakit yang dimaksudkan. Klinik-klinik di luar bandar juga memberikan rawatan yang cukup dan perkhidmatan yang berupa nasihat berhubung dengan kesihatan awam.

Rancangan-rancangan kesihatan masyarakat dijayakan dengan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan melalui klinik-klinik dikhaskan untuk ibu-ibu dan anak-anak mereka. Perkhidmatan kesihatan sekolah untuk murid-murid sekolah, klinik-klinik jagaan kesihatan asasi dan pusat-pusat kesihatan yang berselerakkan di merata negara serta juga klinik-klinik bergerak. Kakitangan perubatan juga menggunakan helikopter untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang susah didatangi dengan menggunakan kenderaan darat atau sungai. Dalam konteks matlamat-matlamat kebangsaan untuk menjayakan kesihatan bagi semua, kami

bangganya menyatakan bahawa kami sudah berjaya mencapai matlamat rancangan suntikan pencegahan secara besar-besaran bagi penyakit-penyakit kanak-kanak berjangkit utama yang mana waktu pencapaiannya yang ditentukan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ialah tahun 1990. Bagi suntikan untuk mencegah penyakit kerongkong, lumpuh, batuk kukul dan kencing gigi, kami berjaya memberikannya pada kadar dekat 90% dan kami juga berjaya dalam kadar yang sama bagi batuk kering dan penyakit campak. Dengan yang demikian, kami telah berjaya menghapuskan semua penyakit kanak-kanak berjangkit utama dan mengurangkan bilangan kanak-kanak yang kena penyakit campak dan batuk kering. Suntikan untuk mencegah penyakit kuning akan juga kami usahakan tidak lama lagi sebagai rancangan kebangsaan. Usaha-usaha seumpama ini sentiasa saja dalam pengulang-kaji kami.

Kami juga telah berjaya menghapuskan penyakit kepalu dan mengawal serangga yang membawa penyakit Denggi. Kali terakhir orang yang kena penyakit kepalu yang berpunca dari nyamuk tempatan ialah pada tahun 1970. Selepas itu semua orang yang kena penyakit ini adalah orang-orang luar negeri yang datang ke Brunei setelah digigit oleh nyamuk di luar negeri. Oleh yang demikian, harapan kami adalah supaya kami akan dapat menerima dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia sijil yang mengesahkan kami bebas dari wabak penyakit kepalu sebelum penghujung tahun ini.

90% daripada mereka yang tinggal di bandar-bandar, pekan-pekan serta hampir semua kawasan lain di seluruh negara menikmati bekalan air melalui saluran paip. 70% daripada mereka yang tinggal di bandar-bandar menggunakan saluran najis yang sempurna dan 60% daripada mereka yang tinggal di kawasan-kawasan lain hampir seluruh negara menggunakan saluran-saluran najis untuk persendirian mereka. Dalam usaha untuk mencapai kesihatan bagi semua, pada tahun 1985, kami telah juga melancarkan rancangan membantu perbelanjaan mengadakan saluran najis persendirian bagi mereka yang tinggal di kampung-kampung jauh di pedalaman. Sejak itu usaha ini semakin mendapat sambutan yang baik. Kami berharap dengan adanya penyertaan masyarakat 75% daripada kampung-kampung di pedalaman akan mempunyai saluran najis yang sempurna di setiap rumah menjelang tahun 2000.



TEKS ucapan
Yang Berhormat
Paduka Dr. Hj. Johar
bin Dato Paduka
Seri Noordin, Menteri
Kesihatan,
Brunei Darussalam
Perhimpunan Kesihatan
Sedunia yang ke-40 di Geneva pada
bulan Mei 1987.

Rancangan-rancangan bimbingan kesihatan kami berikan keutamaan kepada kesihatan yang sedemikian dalam semua rancangan pembangunan pada masa ini serta dalam institusi-institusi pengajaran dan latihan.

Untuk menggalakkan ramai berdirikan dan memainkan peranan dalam membuat kami juga memulakan rancangan-rancangan perintis di seluruh negara. Bagi majlis jawatankuasa-jawatankuasa kampung telah pun ditubuhkan. Kegiatan seumpama ini kami laratkan ke seluruh kampung lagi sebelum tahun 2000 terutamanya kawasan-kawasan jauh di pedalaman.

Dengan menyadari pentingnya kerjasama pelbagai pihak untuk mencapai kesihatan yang sempurna, maka pada tahun nanti, kami akan menggalakkan bengkel bagi kakitangan di Negara Brunei Darussalam yang kami akan dapat dijayakan dengan adanya nasihat dan dukungan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi rancangan Barat. Ini akan menggalakkan usaha seumpama ini julung kali diadakan untuk melibatkan pihak swasta dan masyarakat sekali.

Kami mempunyai perubatan yang diperolehi dapat diperolehi oleh orang. Kami memberikan perhatian yang tinggi menyesuaikan dan memulakan kakitangan yang sekarang ini di semua peringkat dalam pendidikan jagaan kesihatan. Penyesuaian semua jururawat-jururawat masyarakat telah dimulakan dan ini juga diandainya akan diadakan latihan-lain lain kakitangan. Latihan-jururawat akan diadakan oleh seorang perubatan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia akhir tahun ini. Sukarelawan-sukarelawan kesihatan kampung akan

Selepas kejatuhan Melaka 1511

BRUNEI MAINKAN PERANAN PENTING KEMBANGKAN UGAMA ISLAM

KEJAYAAN di luar Brunei ini adalah membayangkan bahawa dalam Negeri Brunei sendiri kedudukan agama Islam itu sudah kukuh dan umumnya diterima oleh seluruh rakyat sebab itulah Brunei dapat memainkan peranan yang dikosongkan oleh Melaka itu.

Bantuan Arab

TIDAK syak lagi dalam abad yang ke-16 Masihi ini, khususnya sejak Melaka jatuh ke tangan Portugis, Brunei telah menjadi salah sebuah pusat penyebaran Islam di sepanjang pesisiran pulau Borneo dan gugusan pulau-pulau Filipina (di utara Borneo). Brunei seolah-olah mengetuai negeri-negeri Islam di bawah pengaruhnya untuk menentang Sepanyol. Para pendakwah Islam dari Brunei tidak bersendirian dalam usaha ini, malah mendapat bantuan dan kerjasama yang erat dari orang-orang Arab yang datang dari Timur Tengah yang disebut oleh orang-orang Eropah sebagai "Ghazies" atau "Morabitos", sebenarnya mereka itu adalah ulama-ulama Islam yang berpengalaman dan dedikasi seperti yang ditulis oleh Padri Baltazar Dias dari Melaka kepada saudaranya Jesuits di Portugal bertarikh 19 November, 1556, antara lain katanya: *And they are diligent and industrious who come from Mecca, Cairo and Constantinople to these very remote parts in order to exalt and extend their poisonours sect...*

From here (Malacca) he was sailing for Borneo where there was another companion, who had already made the greater part of those heathen Moros. (Lihat Robert Nicholl, European Sources..., hlm. 32-33).

Selepas menduduki Brunei pada 15 April, 1578, de Sande yang mengepalai angkatan Sepanyol menyerang Brunei telah mengarahkan Captain Estevan Rodriguez de Figuera meneruskan perjalanan untuk menawan Sulu. Pada pandangan mereka tindakan ini perlu kerana adanya hubungan rapat antara Brunei dan Sulu lebih-lebih lagi Sulu pada masa itu adalah keluarga Sultan Brunei juga. Bila hubungan Brunei dan Sulu dapat dikawal sudah tentu pengaliran Islam dari Brunei ke Sulu juga akan tersekat dan demikian memudahkan pihak Sepanyol menanamkan agama Kristian kepada penduduk Sulu. Arah tersebut termaktub dalam surat de Sande kepada Figuera bertarikh 23 Mei, 1578, antara lain katanya: *From the city and island of Borneo, God willing you shall go to the island of Xolo, where you shall endeavour to reduce that chief and his people to*

the obedience of His Majesty. You shall bargain with them as to what tribute they shall pay, which shall be in pearls, as they were wont to give the king of Borneo... And because of my information that the chief who calls himself Lord of Xolo is a Bornean, and own house in the city of Borneo, that he fought against us in the naval battle, and that he fled to Xolo, where he is now. (Lihat Emma Helen Blair and James Alexander Robertson, "Expeditions to Borneo, Jolo and Mindanao", The Philippines Islands 1493-1803, Vol. IV, Cleveland, Ohio: Arthur H. Clark Company, 1903-1909, hlm. 180).

Sulu Tewas

Serangan ke atas Sulu ini menghasilkan kejayaan apabila Raja Sulu menyerah kepada Sepanyol. Seterusnya dalam arahan yang sama kepada Captain Estevan de Figuera, selepas berjaya di Sulu dia hendaklah bergerak pula ke Mindanao dengan menekankan supaya tidak siapa lagi pengembang-pengembang Islam dari Brunei dibenarkan untuk memainkan peranan mereka di sana.

'You shall order them (the people of Mindanao) not to admit any more preachers of doctrine of Mahoma, since it is evil and false, and that of the Christian alone is good. And because we have been in these regions so short a time, the Lord of Mindanao has been deceived by preachers, from Borneo, and the people have become Moros. (Ibid hlm. 178).

Kejayaan Brunei mengembangkan Islam ke Luzon, Sulu dan Mindanao tidak dapat dianggap kecil, kerana pihak Sepanyol sendiri merasa terancam dan sakit hati melihat kemajuan pesat yang dicapai oleh pengembang-pengembang Islam dari Brunei itu.

Kejayaan di luar Brunei ini adalah membayangkan bahawa dalam negeri Brunei sendiri kedudukan Islam itu sudah kukuh dan umumnya diterima oleh seluruh rakyat sebab itulah Brunei dapat memainkan peranan yang dikosongkan oleh Melaka itu.

Usaha pendakwah Brunei

Walaupun Islam telah diperkenalkan di Sulu dan Mindanao sejak abad yang ke-14, yang kemudian dikuatkan lagi dalam zaman

BRUNEI PERTAHANKAN AKIDAH ISLAM: SATU TINJAUAN SEJARAH (SIRI KEDUA)

Syariful Hashim dan Syarif Muhammad Kebunguan di abad ke-15, tetapi agama tersebut tidak mendapat sambutan yang hebat dari penduduk tempatan sehinggalah pengembang-pengembang Islam dari Brunei datang ke Filipina dalam kurun yang ke-16 Masihi itu untuk menghidupkan semangat, mengembalikan kekuatan dan menyalakan cahaya Islam yang telah malap itu. Ini disokong oleh keterangan Magad-China seorang penduduk Balayan bahawa penduduk Balayan, Manila, Mindon (Mindanao) dan Bunbun tidak tahu akan ajaran Islam melainkan setelah orang-orang Brunei datang dan mengajarkannya kepada mereka sehingga jadilah mereka orang 'Moro' (Muslim).

Perkataan 'Moro' diambil dari 'Maori' atau 'Mauritania'. Walaupun perkataan atau istilah ini lebih sesuai dinisbahkan kepada kaum Barbar dari Afrika Utara, tetapi kadangkala ia dinisbahkan juga kepada kaum Arab Muslimin yang menakluki negeri Sepanyol dahulu. Kemudian oleh orang-orang Sepanyol, perkataan Moro dinisbahkan kepada setiap orang Islam. Dari satu perkembangan yang lain, istilah Moro itu telah dinisbahkan khusus kepada penduduk yang menganut Islam di Filipina dan Borneo. (Lihat C.A. Majul, Muslim in the Philippines, hlm 80-81).

Magad-China juga memberitahu bahawa sebahagian orang-orang Brunei itu pandai bercakap dan menulis dalam bahasa Arab dan boleh pula membaca Al-Quran yang menjadi undang-undang Islam. Mempunyai kebolehan bercakap dan menulis dalam bahasa Arab merupakan anak kunci ke arah mencapai ilmu pengetahuan Islam.

Apa yang dapat diambil dari keterangan Magad-China ini ialah apabila ada kumpulan yang boleh bertutur dan menulis bahasa Arab maka secara tidak langsung mereka itu bukan sahaja berkebolehan membaca malah juga boleh menafsirkan kandungan Al-Quran itu sendiri sebagai panduan yang utama bagi umat Islam.

Sudah tentu pengembang-pengembang Islam dari Brunei bergiat jauh lebih awal sebelum kedatangan Sepanyol ke Filipina, kerana tidak mungkin agama ini akan berakar-umbi di kalangan penduduk Islam di Luzon, Sulu, Mindanao dan lain-lain lagi itu dalam masa yang singkat.

Sudah tentu pengembang-pengembang Islam dari Brunei bergiat jauh lebih awal lagi sebelum kedatangan Sepanyol ke Filipina, kerana tidak mungkin agama ini akan berakar-umbi di kalangan penduduk Islam di Luzon, Sulu, Mindanao dan lain-lain lagi itu dalam masa yang singkat.

RENCANA pengetahuan yang bertajuk 'Brunei Pertahankan Akidah Islam - Satu Tinjauan Sejarah' ini mempunyai empat siri dan ianya ditulis oleh Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman.



Berakar-umbi

Tulisan Antonio de Morga yang mengatakan bahawa usaha pengislaman di Luzon hanya baru di peringkat permulaan semasa ketibaan Sepanyol ke sana, yang menunjukkan orang-orang Brunei baru sahaja hendak melancarkan gerakan dakwah di sana. Ini mungkin betul di setengah-setengah tempat tapi bukan untuk semua tempat, kerana gerakan dakwah Islam adalah gerakan yang berterusan dengan menggunakan berbagai cara seperti melalui perdagangan, perkahwinan, penaklukan dan lain-lain lagi. De Morga sendiri walaupun cuba hendak mengecilkan usaha pengembang-pengembang Islam dari Brunei, namun di bahagian lain dalam tulisannya itu ia juga mengakui bahawa tempat yang di luar kawalan pihak Sepanyol di Filipina, maka pihak Sepanyol tidak dapat berbuat apa-apa. Ini menunjukkan proses pengislaman tersebut telah berakar-umbi sehingga tanpa usaha yang gigih, pihak Sepanyol sukar untuk menghapuskannya. Penentangan orang-orang Moro Filipina baik di Luzon, Sulu dan Mindanao sebagai misal terhadap Sepanyol yang berlarutan sehingga 300 tahun lamanya itu membuktikan keazaman dan keyakinan kaum Muslimin Filipina untuk memelihara dan mempertahankan aqidah mereka yang suci itu. (Lihat Gregorio F. Zaide, Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina, Jilid I, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1978, hlm. 61).

Usaha pihak Sepanyol menyekat perkembangan Islam bukan sahaja dilakukan dengan melarang pengembang-pengembang Islam menjalankan kegiatan mereka, juga Sepanyol mengancam untuk membakar masjid, tempat-tempat orang Islam belajar agama dan beribadat. Ancaman ini telah pun dilaksanakan di Brunei. Perhatikan perintah Francisco de Sande kepada Captain Gabriel de Rivera bertarikh 15 Januari, 1579 ini: *And in as much as the chief of Mindanao has been deceived for some time by preachers from Burney, who preach the doctrine of Mahoma, and it is said that there are preachers there endeavouring to convert them all into Moros, and since our main intention is to convert them to Christianity, you shall order them to admit no more such preachers of Sect. of Mahoma.*

And if you can ascertain who they are, you shall try to the best of your ability to bring them here, and shall burn the edifice in which the accursed doctrine was read and taught, and shall be built. You shall tell the said natives that I will send Christian fathers there, who will instruct them, that already the mosque of Borneo is burned, and that there are now no more Bornean preachers. You shall tell them what occurred in Borneo last year (1578). Lihat Robert Nicholl, European Sources... hlm. 59.

Sikap Sepanyol ini memperlihatkan betapa fanatiknya mereka terhadap agama Kristian yang mereka anuti dan memaksakan agama itu kepada orang lain. Tidak nampak toleransi mereka terhadap Islam dan tidak ada kebebasan bagi orang lain yang berada di bawah kekuasaannya untuk memilih dan menganut kepercayaan mereka sendiri. Sikap seperti ini tidak pernah ditunjukkan dan diamalkan oleh pengembang-pengembang Islam baik dari Brunei atau dari sumber asalnya tanah Arab.

Prinsip Islam

Islam tidak menganjurkan supaya aqidah Islam itu dipaksakan kepada sesiapa jua. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri hanya 'menyeru' dan 'mengajak' orang-orang kafir supaya menganut Islam sebagai agama yang direndai oleh Allah. Dalam pada itu Baginda tidak pula menghalang penganut-penganut agama lain seperti Yahudi dan Kristian untuk terus mengamalkan kepercayaan mereka di bawah pemerintahan Islam. Peperangan yang berlaku antara kaum Muslimin dan Musyrikin pada masa itu bukanlah untuk memaksakan aqidah Islam ke atas orang-orang musyrik kafir, cuma sekadar untuk mempertahankan diri sendiri, kerana Islam mengajarkan supaya setiap pemeluknya mempertahankan aqidah itu dari sebarang ancaman yang hendak menggugat dan merosakkannya sehingga siapa jua yang gugur kerana mempertahankan agama Allah itu dianggap syahid.

Atas keyakinan dan keimanan inilah umat Islam di Brunei dan Filipina mempertahankan agama Islam yang mereka anuti.

(Bersambung)

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-381

HUKUM MENYIMPAN DAN MINUM ARAK

AMARAN Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sabda Baginda :

1. Diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim serta lain-lain Ulama Hadis daripada sahabat Abu Hurairah r.a. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, kira-kira bererti: Tiada berzina oleh yang berzina ketika ia melakukan zina itu, maka ia menjadi orang mukmin, dan tiada mencuri oleh yang mencuri ketika ia melakukan curi, maka ia orang mukmin, dan tiada minum arak oleh yang minum arak ketika ia melakukan minum arak itu, maka ia orang mukmin.

2. Diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah dan At-Tarmidzi dan berkata Al-Hafiz Al-Mundhiri: Rawi-rawinya itu orang kepercayaan:

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah melaknat dalam perkara arak itu 10 orang: Tukang perah arak, orang yang minta perahkan arak (seperti taukeh arak), orang yang minum arak, orang yang membawa dan mengangkut arak, orang yang dibawa arak kepadanya, tukang tuang arak, penjual arak, yang makan harta arak (hasil arak), orang yang membeli arak, dan orang yang membeli kerana orang membeli arak. (Erti laknat ialah orang yang dilaknat itu terhenti dan jauh dari rahmat dan kasih Allah Taala).

3. Diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud dan lain-lain Ulama Hadis: Bahawa Allah Taala telah mengharamkan arak dan telah mengharamkan harga arak, dan Allah Taala telah mengharamkan bangkai (seperti daging-daging lembu yang tiada diketahui disembelih oleh orang Islam yang dibawa masuk dari Australia) dan mengharamkan harganya, dan Allah Taala mengharamkan babi dan harganya.

4. Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dengan ringkas dan Ibnu Abid-

Dunyaa dan Al-Baihaqi hadis yang kira-kira bererti:

Suatu kaum atau kumpulan daripada umat Islam bermalam hari dengan makan minum, bersuka ria dengan permainan dan hiburan, maka mereka pada pagi-pagi besok semuanya telah ditukar rupa menjadi kera dan babi, dan demi mereka akan disedut bumi dan dilontarkan dengan azab dari langit, hingga pagi-pagi besok orang-orang berkata, malam semalam keluarga Polan telah lenyap disedut oleh bumi, dan rumah Polan yang terkenal telah lenyap disedut oleh bumi, demi akan dikirim ke atas mereka satu batu api dari langit, sebagaimana dikirimkan satu api azab membinasakan kaum Lut di atas beberapa kabilah daripada mereka, dan di atas beberapa rumah mereka, demi akan dikirimkan ke atas mereka angin taufan seperti angin taufan yang membinasakan kaum 'Aad, di atas beberapa kabilah mereka dan di atas rumah-rumah mereka, dengan sebab mereka minum arak, dan memakai pakaian sutera, dan mereka mengambil penyanyi-penyanyi dan artis-artis perempuan, dan mereka makan riba, dan mereka telah memutuskan hubungan silaturahim di atas saudara-mara dan kerabat mereka.....

(Ini dia akibat dan dahsyat kesudahan-kesudahan orang yang minum arak, memakai sutera, makan riba dan menghimpunkan artis-artis untuk menyeronokkan mereka dan memutuskan silaturahim dengan tiada mengambil tahu akan mereka.

5. Diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Hakim hadis yang kira-kira bererti: Barangsiapa melakukan zina atau minum arak, maka Allah Taala akan lucutkan imannya dari kepalanya sebagaimana seseorang itu melucutkan bajunya dari kepalanya.

6. Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabaraani hadis yang kira-kira ertinya: Barangsiapa beriman kepada Allah dan pada hari kemudian, maka janganlah ia minum arak, dan barangsiapa beriman kepada Allah dan hari kemudian, maka janganlah ia duduk pada

meja jamuan yang menjadikan arak sebagai minumannya.

7. Diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Maajah dan Ibnu Hibbaan dalam sahihnya suatu hadis yang bererti: Orang-orang daripada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam minum arak, mereka namakan arak dengan berbagai-bagai nama (bagaimana sekarang mereka namakan arak dengan berbagai-bagai nama dan berbagai-bagai jenis dan rupa), dipalukan di atas kepala mereka oleh tukang palu dengan berbagai-bagai alat dan berbagai-bagai bunyi-bunyian dan dengan berbagai-bagai rupa artis dan tukang nyanyi perempuan, mereka akan disedut oleh bumi, (sebagaimana bumi telah menyedut Kaarun orang kaya bangsa Israel), dan mereka akan dihincit menjadi kera dan babi.

8. Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termidzi dari riwayat Abdul Qudus dan dari riwayat Al-A'mash Mursalaa, kira-kira bererti: Akan berlaku pada umat Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bala dan angkara sedutan bumi, menjadi kera dan babi, dan lontaran azab dari langit ke atas mereka yang membuat angkara dan derhaka, maka orang laki-laki Islam bertanya bila berlaku perkara-perkara itu ya Rasulullah? Sabda Baginda: Apabila nyata keluar artis-artis dan penyanyi-penyanyi perempuan, dan nyata dan banyak dipalu alat-alat dan perkakas-perkakas bunyi-bunyian dan nyata dan banyak arak diminum.

(Sekarang banyak artis-artis dan penyanyi-penyanyi perempuan dan laki-laki di pentas-pentas dan di majlis-majlis hiburan, di majlis-majlis kesukaan dan keseronokan, dan banyak

alat-alat nyanyian serta pasukan-pasukannya, dan banyak arak di minum di majlis-majlis hiburan oleh orang-orang kenamaan dan orang ramai, dan di bar-bar, hotel-hotel, restoran-restoran, rumah-rumah dan di berbagai-bagai tempat dan majlis, tetapi kita belum dengar bala dan bencana besar ditimpakan ke atas orang-orang itu sebagaimana disebutkan dalam hadis itu. Tunggalah masanya akan tiba di atas orang-orang yang menderhaka kepada Allah Taala itu tetapi bencana-bencana kecil telah ditimpakan ke atas mereka).

9. Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabaraani dengan sanad yang sah dan baginya Syawaahidu yang banyak akan suatu hadis yang kira-kira bererti: Tiga macam orang tiada akan masuk syurga selama-lamanya: Laki-laki dayus, perempuan menyerupai lelaki, dan kaki minum arak. Sahabat-sahabat bertanya: Ya Rasulullah adapun kaki minum arak, kami telah ketahui (dia tiada berhenti-henti minum arak), maka apa erti dayus itu? Sabda Baginda: Laki-laki yang tiada ambil hirau siapa yang datang berjumpa isterinya. Kami bertanya: Apa erti perempuan menyerupai lelaki? Sabda Baginda: Perempuan yang berlagak dan berkelakuan dengan kelakuan laki-laki. (Ini orang yang tidak masuk syurga dan sekarang orang yang macam ini banyak).

10. Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termidzi katanya hadis ini hasan dan Al-Hakim katanya hadis ini sahih iaitu hadis yang bererti: Barangsiapa minum arak, tiadalah Allah terima sembahyangnya selama empat puluh pagi (hari), jika ia bertaubat maka Allah akan terima taubatnya, jika ia kembali minum maka tiadalah diterima sembahyangnya selama

Bahagian terakhir

40 (empat puluh pagi), jika ia bertaubat maka Allah terima taubatnya, jika ia kembali minum maka tiadalah diterima sembahyangnya selama 40 (empat puluh pagi), jika ia bertaubat maka Allah terima taubatnya, jika ia kembali minum, tiadalah diterima sembahyangnya selama 40 (empat puluh pagi), jika ia bertaubat, maka tiadalah Allah terima taubatnya dan Allah beri ia minum dari Sungai Khabaal, orang berkata kepada sahabat Ibnu Umar apa itu Sungai Khabaal? Jawabnya: Sungai dari nanah penduduk ahli neraka.

(Ini balas azab orang yang minum arak dan amal ibadatnya tiada diterima selama 40 hari. Dan jika ia bertaubat diterima taubatnya, jika ia minum juga akhirnya Allah Taala tiadalah akan menerima taubatnya dan ia akan diazab juga sebagaimana balasan di atas degilnya dan melampaunya itu.) Dipetik dari Az-Zawajir.

Hukum Menolong Orang Berbuat Dosa

Orang yang membelanjakan pada menyediakan arak, tuak dan benda-benda yang memabukkan akal dan fikiran, maka orang Islam itu telah menolong orang berbuat jahat dan menolong orang berbuat mabuk, menolong orang berbuat derhaka dan menolong orang berbuat jahat kepada Allah Taala. Maka menolong berbuat derhaka kepada Allah adalah derhaka kepada Allah Taala, kerana Allah Taala telah menegah dari bertolong-tolong dan bantu-membantu pada berbuat dosa dan derhaka sepertimana firman Allah di dalam surah Al-Maaidah ayat 2 yang kira-kira

YDM Pehin Datu Seri Maharaja Seri Utama Awang Haji Omar Abd. Aziz, Mufti Brunei

bermaksud: "Janganlah kamu bertolong-tolong pada berbuat dosa dan janganlah kamu bertolong-tolong pada melanggar larangan Allah Taala," maka menolong arak bagi diminum adalah melanggar larangan Allah Taala, maka dosa yang itu sama dengan dosa orang minum arak. Kedua-dosa dosa besar yang dilaknat, dihincit dan jauh dari rahmat dan kasih Allah Taala.

Berkata Al-Imam Ibnu Jar dalam Az-Zawajir bahawa dosa besar yang dilaknat dan ke-63 ialah suka dan menggalakkan orang berbuat dosa besar dan menolong orang membantu orang membuat dosa besar. Maka rela dan sukakan orang minum arak dan membelanjakan wang supaya orang minum arak adalah dosa besar seperti orang itu minum arak bersama-sama peminum arak itu Wallahuaklam.

Orang yang dipaksa berbuat atau menyertai perkara yang haram dan yang dipaksa oleh ugama atau adat Islam, sekira-kira kalau ia buat perkara yang dipaksa, maka ia akan dihapuskan dan dipenjara atau dibuang ke laut dan lain-lain perkara sekira berat ditanggung oleh orang yang dipaksa itu, maka ia diuzurkan dan dosa pada itu atau dosa keraliman ia terkena ke atas tengkuk orang yang memaksa itu. Dosa orang yang kena zalim adalah dosa diterima oleh Allah Taala sebagaimana dalam hadis kerana menyediakan arak bagi diminum adalah dosa besar sebagaimana telah disebutkan. Hendaklah ditakuti doa orang yang zalim ke atas orang yang zalim.

WALLAHUAKLAM

Waktu Sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 20 Mei hingga ke hari Selasa 26 Mei, 1987 adalah seperti di bawah ini :-

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Mei												
20	12.19	3.40	3.41	6.27	6.28	7.41	7.42	4.51	4.38	4.52	6.05	6.06
21	12.19	3.40	3.41	6.27	6.28	7.41	7.42	4.51	4.38	4.52	6.05	6.06
22	12.19	3.40	3.41	6.27	6.28	7.41	7.42	4.51	4.38	4.52	6.05	6.06
23	12.19	3.41	3.42	6.27	6.28	7.42	7.43	4.51	4.38	4.52	6.05	6.06
24	12.19	3.41	3.42	6.27	6.28	7.42	7.43	4.51	4.38	4.52	6.05	6.06
25	12.19	3.41	3.42	6.28	6.29	7.42	7.43	4.51	4.38	4.52	6.05	6.06
26	12.19	3.41	3.42	6.28	6.29	7.42	7.43	4.51	4.37	4.52	6.05	6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

KAJIAN PERBELANJAAN KELUARGA 87/88

SENARAI nama kawasan-kawasan yang terpilih dalam Kajian Perbelanjaan Keluarga 1987/1988 bagi bulan Jun ini mengikut Daerah Kajian adalah seperti berikut: -

Daerah Kajian Bandar Seri Begawan: Kampong Kianggeh, Kumbang Pasang dan Kampong Saba Darat 'A'.

Daerah Kajian Brunei/Muara: Kampong Ang-

gerek Desa, Kampong Lambak, Kampong Tasik Meradun dan Kampong Serasa.

Daerah Kajian Belait: Kawasan BSP, Kampong Mumong Utara dan Lorong 3-4 (619/1 - G19/30).

Daerah Kajian Tutong: Kawasan Kedai-kedai (Pekan Tutong) dan Lubok Pulau.

MENINGKATKAN AMALAN DI BULAN RAMADAN

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah Taala dengan sebenar-benar takwa dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Termasuk hari ini kita telah berpuasa selama 16 hari. Mudah-mudahan apa yang sudah kita amalkan itu dan begitu juga yang akan kita amalkan berikutnya semuanya diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.

Mustahak kita sebutkan di sini supaya kita sama-sama beringat-ingat bahawa di dalam bulan ini ada satu malam istimewa yang disebut malam Lailatulqadar. Kita telah sama-sama tahu fadilat Lailatulqadar itu menurut Al-Quran lebih baik dari seribu bulan. Firman Allah Taala yang tafsirnya: "Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkan Al-Quran itu

pada malam Qadar. Dan apakah engkau mengetahui wahai Muhammad apa itu Lailatulqadar? Lailatulqadar itu adalah lebih baik dari seribu bulan."

Maksudnya di sini ialah tiap-tiap amalan yang dilakukan berbetulan pada malam Lailatulqadar maka pahalanya sangat besar, lebih banyak dan lebih baik daripada pahala amalan yang dilakukan seribu bulan dalam waktu yang bukan Lailatulqadar. Cuba kita perhatikan hadis ini. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya: "Barangsiapa yang berdiri (mengerjakan sembahyang atau lain-lain amalan) pada malam Lailatulqadar atas dorongan keimanan serta untuk mencari keredaan Allah maka diampunkan dosa-dosanya yang sudah-sudah." Hadis ini riwayat Imam Bukhari dan

Imam Muslim daripada sahabat Abu Hurairah Radhiallahu Anhu.

Malam Qadar itu jatuhnya hanya sekali dalam setahun, berlaku dalam bulan Ramadan. Tetapi bila, malam apa, dan tanggal ke berapa, tidaklah dijelaskan cuma banyak disebut-sebut jatuhnya malam Qadar itu ialah pada malam sesudah dua puluhan yakni mulai dari malam dua puluh satu hinggalah akhir bulan puasa atau dengan penjelasan lain dari qaul ini bahawa jatuhnya Lailatulqadar itu pada malam yang ganjil bukan malam genap dari sepuluh hari-bulan Ramadan yang terakhir iaitu seperti malam dua puluh satu, dua puluh tiga, dua puluh lima, dua puluh tujuh atau dua puluh sembilan.

Kerana itu, marilah kita sama-sama berdoa sambil

bergiat meningkatkan amal salih kita di dalam bulan yang mulia dan berkat ini lebih-lebih lagi di malam-malam sepuluh terakhir dari bulan Ramadan sehingga akhirnya sebagai yang tercontoh dari kelakuan dan perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diceritakan oleh Ummalmukminin Sayidatuna Aisyah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila masuk hari terakhir dari Ramadan maka Baginda menghidupkan malam-malam harinya dengan memperbanyakkan ibadah dan membangunkan keluarganya untuk sama-sama beribadat. Ini semua menandakan ada isyarat dari Baginda bahawa harapan besar Lailatulqadar itu jatuh pada malam dari sepuluh Ramadan yang terakhir. Inilah pula yang menjadi qaul dan pendapat Al-Imam Syafie Rahmatullahu Wataala.

Menurut ibadat setengah kitab bahawa pada malam Qadar itu turun Malaikat Jibril dengan perintah Allah Taala ke bumi bersama-sama di dalam perhimpunan para malaikat yang lain lalu Jibril memberi salam ke atas tiap-tiap orang yang berdiri, yang duduk, yang sembahyang dan yang berzikir dengan diikuti oleh para malaikat yang lain-lain itu, berjabat tangan dengan mereka dan mengaminkan doa mereka. Hal ini berlaku sehingga terbit fajar.

Di antara doa atau amalan yang pernah ditanyakan



kepada Rasulullah yang patut dibuat atau diamalkan semasa mencari malam Qadar itu ialah apa yang diajarkan kepada Sayidatina Aisyah Radhiallahu Anhu iaitu doa yang bermaksud: "Ya Allah sesungguhnya Engkau adalah Maha Pengampun suka sekali memberi keampunan. Ampunilah daku." (Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan disahihkan oleh Imam Tarmizi).

Manakala di antara tanda yang telah menunjukkan sesuatu malam di antara malam di bulan Ramadan itu terjadi Lailatulqadar ialah sepertimana hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Muslim dan

disahihkan oleh Tarmizi yang kira-kira maksudnya: "Adapun tanda Lailatulqadar itu pada pagi harinya matahari terbit dengan putih akan tetapi tidak ada sinarnya."

Begitulah sedikit gambaran tentang malam Qadar itu menurut yang pernah disebut oleh kitab-kitab agama yang muktabar. Mudah-mudahan dengan penerangan yang sangat ringkas ini kita umat Islam akan beroleh manfaat daripadanya untuk sama-sama menghayati terus malam-malam bulan Ramadan itu dengan harapan kita akan mendapati Lailatulqadar yang mulia dan penuh berkat, amin.

MELAKUKAN IBADAT DI MALAM QADAR MENGHAPUS DOSA

Di bulan Ramadan yang mulia lagi berkat ini terdapat satu malam yang selalu dinanti-nantikan oleh kita umat Islam. Malam tersebut tidak lain dan tidak bukan ialah Malam Qadar.

Qadar ertinya kemuliaan. Lailatulqadar bererti Malam Kemuliaan yang mengandungi berkat; iaitu malam yang menerima kemuliaan disebabkan Al-Quranul Karim diturunkan. Jadi adalah kena pada tempatnya malam tersebut disifatkan dengan malam kemuliaan dan keagungan.

Malam tersebut juga adalah malam berharga yang mengandungi saat yang paling baik sekali. Jika amal ibadat yang kita lakukan bertepatan dengan malam tersebut ia akan dilipatgandakan oleh Allah Subhanahu Wataala sehingga ibadat pada malam itu lebih baik (lebih besar pahalanya) dari ibadah seribu bulan.

Dalam hal ini Allah Subhanahu Wataala telah berfirman dalam Surah Qadar ayat 3 hingga 5, kira-kira bererti: "Malam Lailatulqadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang) ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); sejahteralah malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!"

Dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, kira-

kira bermaksud: "Barangsiapa yang beribadah pada malam Qadar dengan keimanan dan perhitungan (semata-mata mengharapkan keredaan Allah), maka Allah akan mengampuni dosa-dosanya yang telah lalu."

Berpandukan kepada firman dan hadis yang disebutkan itu jelas kepada kita tentang kelebihan-kelebihan Malam Qadar itu. Dengan sebab yang demikian, tidak hairan bila kita mendapati umat Islam mengadakan kegiatan beramal ibadat pada malam tersebut. Ertinya malam berkenaan dihidupkan dengan penyerahan diri kepada Allah Subhanahu Wataala dengan beramal, berzikir dan berdoa dengan penuh keikhlasan.

Bagaimana kita dapat mengetahui bila terjadinya malam Lailatulqadar itu? Kalaupun dapat diketahui bila terjadinya malam Lailatulqadar itu tentunya tidak sesiapa pun yang akan melepaskan peluang yang baik dan berharga itu untuk mendapatkan fadilat-fadilat yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menyebutkan perkara ini.

Diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim, menyatakan: Dari Aisah r.a. berkata ia: "Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Jaga-jagalah malam Lailatulqadar itu malam 10 yang akhir dari bulan Ramadan."

Sayidatina Aisah ada menyatakan: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bila bulan Ramadan sudah

Menuju Keredaan Allah

melampaui dua puluh satu Ramadan selalu menghidupkan malam itu, dan membangunkan keluarga Baginda dan giat beriktikaf (beribadat)."

Dari hadis-hadis itu, ternyata tidak terdapat pengkhususan hari terjadinya malam Qadar itu, yang dinyatakan cuma 10 hari yang akhir di bulan Ramadan. Ini menunjukkan bahawa kita adalah disuruh untuk melakukan amalan ibadat dalam bulan Ramadan yang mulia lagi berkat ini, bukan cuma terbatas pada satu hari yang kita ramal-ramalkan akan jatuhnya malam Lailatulqadar.

Oleh yang demikian kalaupun kita tidak mahu melepaskan peluang yang cuma datang setahun sekali ini, maka kita perbanyakkan amal ibadat kita di sepanjang bulan Ramadan. Ataupun dengan lain perkataan kita hidupkan malam-malam Ramadan itu dengan amal ibadat seperti sembahyang, berzikir dan berdoa dengan ikhlas. Dengan yang demikian mudah-mudahan kita akan memperolehi satu malam yang lebih baik dari seribu bulan itu.



Sembahyang tarawih di bulan Ramadan

SEPANJANG bulan Ramadan masjid-masjid dan surau-suru di seluruh negara akan berkumandang dengan sembahyang tarawih dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Perkara ini kita lakukan adalah semata-mata untuk memperolehi banyak pahala kerana bulan Ramadan ditarifikkan sebagai bulan yang mulia dan mempunyai keberkatan serta penghulu segala bulan.

Pada tiap-tiap malam akan berduyun-duyun umat Islam sama ada lelaki mahupun perempuan serta kanak-kanak pergi ke masjid dan surau untuk sama-sama memanfaatkan bulan yang mulia ini.

Gambar atas kelihatan sebahagian daripada jemaah ketika mengerjakan sembahyang tarawih di salah sebuah masjid di Daerah Brunei dan Muara. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimulikan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim menghantarkan hadiah kepada salah seorang peserta di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

MAJLIS Ceramah Agama mengenai Hukum-Hukum Rumah tangga yang dianjurkan oleh Perpustakaan Muda Mudi Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



BAKTI ketika membuat jualan kuih-muih di Perkhemahan Tentera Laut, Muara. — Gambar oleh Pg. Bahar PHD.

Rakyat berpeluang sertai p'kembangan sektor ekonomi melalui syarikat kerjasama

APAKAH peranan yang dimainkan oleh jabatan ini ke arah mempertingkatkan ekonomi masyarakat negara ini?

Sejak penubuhan jabatan ini pada 1 Ogos, 1974, peranan besar yang dimainkan oleh jabatan ini ialah memperkembangkan kefahaman rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar supaya menyatukan diri di dalam satu pertubuhan yang digelar "Syarikat Kerjasama". Melalui syarikat kerjasama rakyat akan berpeluang menyertai di dalam rancangan perkembangan sektor ekonomi yang dilancarkan oleh kerajaan. Penubuhan syarikat-syarikat kerjasama di seluruh negara merupakan salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menampilkan para peniaga bumiputera supaya tidak tertinggal jauh di bidang perniagaan di negara ini.

Selain berperanan menjadi penggerak kepada penubuhan syarikat-syarikat kerjasama, jabatan ini juga bertanggungjawab bagi memastikan bahawa setiap syarikat yang didaftarkan mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang sempurna. Latihan-latihan di bidang-bidang tertentu seperti pentadbiran dan pengurusan kewangan juga menjadi tugas utama jabatan ini, manakala penguatkuasaan Undang-Undang Syarikat Kerjasama, 1975 merupakan peranan yang terpenting jabatan ini. Bagi memastikan kelancaran perjalanan pentadbiran dan pengurusan syarikat-syarikat kerjasama di seluruh negara jabatan ini sentiasa berpancukan undang-undang yang telah diperuntukkan di kalangan syarikat-syarikat kerjasama.

Kakitangan

Jabatan ini mempunyai 77 orang pegawai dan kakitangan pada tahun 1985 dan jumlah ini meningkat kepada 90 orang pada tahun 1986. Jabatan ini dikawal dan diketuai oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama selaku ketua jabatan (Awang Haji Abdul Hamid bin Ismail).

Apakah perkembangan syarikat-syarikat kerjasama yang dikendalikan di bawah JKM?

(a) Sehingga penghujung tahun 1986, terdapat 70 buah syarikat Kerjasama di seluruh negara. Perangkaan jenis-jenis dan bilangan syarikat kerjasama mengikut daerah adalah seperti berikut.

(b) Dari sejumlah 70 buah syarikat yang berdaftar keseluruhan ahli syarikat-syarikat kerjasama sehingga tahun 1985 ialah seramai 6,049 orang, manakala keseluruhan modal berjumlah \$3,667, 117.40. Pertambahan keramaian ahli dan jumlah modal boleh dilihat pada rajah berikut:-

(c) Meskipun syarikat kerjasama di negara ini tidak begitu nyata perkembangannya, tetapi selaku ejen pengembang kegiatan ekonomi rakyat sedikit sebanyak hampir-hampir

Oleh
Dk. Fatimah
PHMN.
Gambar Oleh
Pg. Abu Bakar PHO

menepati matlamat dan hasrat kerajaan yang inginkan rakyat negara ini bergiat cergas di bidang ekonomi. Ekoran dari perkembangan syarikat-syarikat kerjasama, ahli-ahli telah menikmati kemudahan-kemudahan perkhidmatan dan faedah-faedah hasil dari usaha-usaha yang dijalankan oleh syarikat masing-masing. Peluang-peluang pekerjaan juga dapat dicipta dan dapat mengatasi masalah pengangguran di kalangan rakyat di negara ini.

Dalam melatih pegawai dan kakitangan Jabatan Kemajuan Kerjasama ini, beberapa kursus dan latihan di seberang laut seperti kursus sembilan bulan "Certificate in Co-operative Management and Supervision, United Kingdom", kursus dua minggu "Penyediaan dan Penilaian Projek Kuala Lumpur dan Latihan Ilmiah Bagi Pegawai-Pegawai Jabatan Pembangunan Kooperasi, Kuala Lumpur."

Manakala kursus bagi ahli-ahli jawatankuasa syarikat kerjasama adalah diteruskan dari masa ke semasa. Kursus ini memainkan peranan penting untuk kemajuan dan



SEORANG pegawai Jabatan Kemajuan Kerjasama sedang mengendalikan kursus suai-kenal berniaga yang dihadiri oleh ahli-ahli ABDB yang akan menamatkan perkhidmatan mereka.

perkembangan sesebuah syarikat kerjasama. Menyedari hakikat ini pihak jabatan dalam tahun 1985 dan 1986 telah pun menganjurkan beberapa kursus yang difikirkan sesuai untuk keperluan syarikat-syarikat kerjasama di negara ini. Kursus-kursus yang dikendalikan ialah:

(1). Kursus Pengurusan

Syarikat-Syarikat Kerjasama.
(2). Kursus Perakaunan Syarikat-Syarikat Kerjasama.
(3). Kursus Pentadbiran Syarikat-Syarikat Kerjasama.
(4). Kursus Jurujual Syarikat-Syarikat Kerjasama.

Selain dari kursus di atas yang dijalankan mengikut daerah, kursus yang khusus kepada syarikat-syarikat ker-

jasama iaitu kepada keseluruhan ahli-ahlinya juga diadakan. Kursus serupa ini mengandungi aspek-aspek:

- (a). Pengurusan Perniagaan.
- (b). Pentadbiran Syarikat.
- (c). Simpan Kira

Sebagai satu usaha untuk membuka mata ahli-ahli syarikat kerjasama di negara

ini pada bulan Disember 1985, satu rombongan seramai 18 orang ahli-ahli Jawatankuasa Syarikat Kerjasama Daerah Temburong membuat lawatan ke Semenanjung Malaysia. Ianya adalah bertujuan untuk melihat sambil mempelajari akan cara-cara pengurusan dan pentadbiran syarikat-syarikat kerjasama di sana.

Jabatan Kemajuan Kerjasama pindah ke bangunan baru

Bangunan yang mempunyai dua tingkat itu dibahagikan kepada Bahagian Pentadbiran, Bahagian Penyeliaan dan Bahagian Pelajaran dan Bahagian Pengembangan. Keluasan bangunan itu kira-kira 33,000 square feet.

Baru-baru ini, Jabatan Kemajuan Kerjasama sudah pun berpindah ke bangunan baru itu sejak seminggu yang lalu. Kerja-kerja memindahkan barang-barang, fail-fail dan dokumen penting sedang dijalankan. Makanya tidak hairanlah bagi kita melihat adanya barang-

barang keperluan pejabat itu belum tersusun dan masih dikemaskinikan.

Bahagian-bahagian yang terdapat di bangunan itu termasuklah bilik persidangan, bilik kuliah bagi mengendalikan kursus-kursus, surau, bilik riha, asrama yang menampung hampir 30 orang, stor-stor dan sebuah dewan.

Mudah-mudahan dengan adanya bangunan baru JKM,

akan dapatlah jabatan itu meneruskan operasinya dalam menyertai rancangan pembangunan sektor ekonomi yang dilancarkan oleh kerajaan.

Dan juga dapat memberikan kelancaran dalam menyampaikan kursus-kursus yang semestinya diadakan di bangunan yang indah tersergam itu dengan beberapa peralatan moden yang terdapat.



PEMANGKU Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awg Ibrahim bin Hj Jalil.... "peranan yang dimainkan oleh JKM memperkembangkan sektor ekonomi terutama di luar bandar."



PEMANDANGAN dari luar bangunan Jabatan Kemajuan Kerjasama yang baru di Gadong.



BEBERAPA orang kakitangan JKM dibantu oleh kakitangan JKR (Jabatan Kerja Raya) sedang memindahkan sebuah meja ke bangunan baru.



SELAIN dari pakaian dan barang-barang makanan, kad-kad Hari Raya juga menjadi tumpuan pembeli-pembeli yang datang ke Pusat Perbekalan Kerjasama.

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pusat Perbekalan Kerjasama kini menjadi tumpuan orang ramai kerana adanya pesta jualan ulang tahun sempena Hari Raya Aidilfitri bagi menampung permintaan orang ramai terhadap barang-barang keperluan bagi menyambutnya nanti.

Menurut Pengurus Am, Pusat Perbekalan Kerjasama, Awang Haji Mustafa bin Haji Abdul Rahman, bahawa penjualan ini juga bagi memperingati operasinya pusat tersebut di samping membantu orang ramai mendapatkan barang-barang keperluan Hari Raya Aidilfitri.

Jualan tersebut dijalankan dua peringkat, peringkat pertama bermula 2 Mei dan peringkat kedua bermula 10 Mei lalu. Penjualan itu akan berakhir pada 25 Mei ini.

Antara barang-barang yang dijual ialah alat perkakas rumah seperti satu set kerusi antik yang didatangkan khas dari Indonesia. Harga yang dijual antara \$1,600 hingga \$3,800. Pakaian kanak-kanak yang berumur dari setahun hingga 12 tahun juga dijual. Pakaian lelaki dan perempuan, kasut dan tali pinggang. Manakala barang-barang makan termasuk buah-buahan dalam tin, minuman dalam tin, jagus dan keropok. Pakaian tersebut kebanyakannya tempahan dari Singapura dan Hong Kong.

Sementara itu, kuih-muih hari raya termasuk kek dan biskut juga dijual. Menurut Awang Haji Mustafa lagi, lebih \$30,000 kek dan biskut disediakan. Ianya ter-

masuklah kek lapis dan kek pelangi. Kebanyakan kuih-muih itu didatangkan dari Malaysia dan Indonesia.

Menyentuh mengenai gerai pesta penjualan, pusat itu mendirikan khemah-khemah untuk menempatkan barang-barang tersebut, manakala para pelayan-pelayan semasa terdiri daripada kakitangan Pusat Perbekalan Kerjasama sendiri dan beberapa orang pelajar sekolah yang bercuti

sepanjang bulan puasa.

Sambutan orang ramai mengenai jualan tersebut, sangatlah menggalakan jika dibandingkan dengan tahun lalu.


Bagi Dayang Sahara Ahmad, sambutan itu bukan hanya datang dari orang-orang Melayu malah berbagai bangsa turut menyaksikan dan membeli barang-barang yang dijual itu.

Oleh
Dk. Fatimah
PHMN.
Gambar Oleh
Pg. Abu Bakar PHO

Katanya lagi, kerusi-kerusi yang didatangkan dari Indonesia itu dinamakan "Tamu Gajah, Rotan, Perancis dan Rumawi. Kerusi jenis "rosewood" tambahannya, sudah laris dibeli.



PERABOT antik yang didatangkan dari Indonesia juga telah dijual di Pusat Perbekalan Kerjasama.



SEBAHAGIAN dari orang ramai memilih barang-barang perhiasan antik bagi menambahkan lagi seri rumah di Hari Raya ini nanti. — Gambar oleh Pg. Bakar PHO.



IBU ini sedang menyukat pakaian untuk anaknya.

DIDENDA KERANA TIDAK BERPUASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Kadi Daerah Belait telah menjatuhkan denda sebanyak \$200.00 kepada Awang Abu

Bakar bin Haji Saad Sarawak kerana telah bersalah makan & minum ramai pada siang hari bulan puasa ini.

Bermesra dengan sistem metrik

PANDUAN MENUKAR KE SISTEM METRIK

DI KELUARAN minggu lepas awda telah diterangkan kaedah menukar harga ke kilogram.

TAHUKAH AWDA:

: Awda tidak semestinya membeli barang-barang sebanyak 1 kilogram.

: Awda boleh membeli setiap 100 gram sahaja misalnya 200 g, 300 g, 400 g, dan seterusnya.

Cara mendapatkan harga 100 g.

contoh:

Harga sekati ikan ialah \$4.50

Harga sekilo ialah = $1.65 \times \$4.50$
= \$7.50

Harga 100 g = $\frac{\$7.50}{10}$
= 75 sen

Jika awda ingin membeli 600 g
Harganya ialah 75 (harga 100 g) $\times 6$

= \$4.50 (harga sekati kerana 600 g = 1 kati)

Begitulah seterusnya jika awda ingin membeli 400 g
Harganya ialah $\$0.75 \times 4$

= \$3.00

Belajarliah menggunakan kaedah-kaedah ini. Awda akan berasa mudah bila membeli-belah dalam sistem metrik.

Harga 1 kg = 1.65 kali dengan harga 1 kati.

Misalnya harga 1 kati ialah \$2.00

1 kg = $1.65 \times \$2.00$
= \$3.30

Belajarliah kaedah-kaedah baharu ini awda akan merasa ianya sangat mudah untuk difahami.

Jika awda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai Sistem Metrik bolehlah menghubungi Pejabat Sekatan dan Timbangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, telefon 44660.

Penyampaian derma untuk anak-anak yatim

Oleh: Zubaidah HS

Gambar oleh: Harun Rashid

BERAKAS. — Satu Majlis Penyampaian Derma Bagi Anak-Anak Yatim Seluruh Negara telah berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada 14 Mei lepas.

Sumbangan derma tersebut adalah daripada Tabung Anak-Anak Yatim melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menurut Awang Abd. Halim bin Awang Haji Osman, Pemangku Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat yang juga selaku Pengerusi Majlis tersebut, derma-derma ini adalah dihasratkan bagi membantu dan menyukakan perasaan kanak-kanak yatim yang kurang bernasib baik, untuk sama-sama bergembira di hari raya ini nanti.

Lebih seribu anak-anak yatim dari seluruh negara telah hadir di majlis penyampaian tersebut. Mereka mendapat derma \$35.00 seorang.

Tetamu kehormat yang telah menyampaikan derma-derma tersebut ialah Isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajjah Norlia binti Mohd. Yusof, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajjah Maimunah binti Ambak, isteri Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Dayang Suzy Asmalee dan Ketua Pegawai Masyarakat, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Dayang Zaliha binti Mohidin.

Sementara itu penyampaian derma juga telah diadakan di Mess Pegawai Tentera Laut di Muara pada 15 Mei lepas.

Seramai 4 orang anak-anak yatim, yang mana ayah-ayah mereka bekas anggota Tentera Laut, telah menerima derma dari Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Cawangan Muara.

Sementara itu badan tersebut juga telah mendermakan sebanyak \$214 kepada Dayang Aminah binti Haji Ismail, mangsa kebakaran Kg. Saba Laut baru-baru ini.

Derma-derma tersebut telah disampaikan oleh isteri Pegawai Pemerintah Tentera Laut, Pengiran Siti Afsah binti Pg. Haji Muhammad.

Jangan ketinggalan menggunakan metrik



SEBAHAGIAN dari anak-anak yatim dari seluruh negara yang hadir bersama keluarga masing-masing di Majlis Penyampaian Derma yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. — Gambar oleh Harun Rashid.



DATIN Norlia, isteri Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan ketika menyampai derma kepada salah seorang anak yatim. — Gambar oleh Harun Rashid.

Cara pendekatan jagaan kesihatan asasi

Dari muka 2

latihan tentang jagaan kesihatan yang mudah dan setelah itu mereka menggunakan pengetahuan masing-masing bagi faedah masyarakat kampung masing-masing. Usaha sedemikian ini mendapat sambutan baik dan oleh kerana itu kami jangka akan dapat mempunyai kumpulan sukarelawan terlatih pada sekurang-sekurangnya 75% daripada kampung-kampung jauh di pedalaman menjelang tahun 2000.

Hampir kesemua kejayaan kami dalam bidang jagaan kesihatan dan juga usaha bagi mencapai matlamat kesihatan bagi semua adalah kerana kemantapan sosio-ekonomi dan kewangan negara kami yang mendapat kebanyakan hasilnya dari perusahaan-perusahaan minyak serta juga peruntukan kewangan yang mencukupi oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi faedah menjayakan Perkhidmatan Perkhidmatan Kesihatan.

Jumlah kasar hasil tempatan bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 1986 ialah B\$3171.4 juta dan jumlah peruntukan belanjawan kerajaan ialah B\$3567.5 juta. Perkhidmatan-perkhidmatan Kesihatan menerima peruntukan sebanyak B\$114.095 juta yang bermakna B\$456 bagi setiap orang. Rawatan perubatan diberikan secara percuma kepada semua rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan diberikan secara subsidi yang tinggi kepada lain-lain orang yang bekerja dan tinggal di Negara Brunei Darussalam. Perbelanjaan bagi menjayakan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan kerajaan adalah dibiayai pada keseluruhannya dengan menggunakan hasil pendapatan kerajaan berdasarkan kepada peruntukan

belanjawan secara langsung. Lain-lain kementerian yang berkenaan juga menyumbangkan perbelanjaan yang berkaitan dengan kesihatan.

Sebahagian besar peruntukan belanjawan kesihatan sentiasa secara berterusan digunakan untuk mendapatkan kemudahan teknologi sofistikated yang diperlukan di rumah-rumah sakit. Maka kerana inilah secara terpaksa perbelanjaan untuk pencegahan, galakan kesihatan dan perkembangan jagaan kesihatan asasi sangat berkurangan. Perkara ini sedang difikirkan. 60-70% daripada peruntukan belanjawan kesihatan digunakan untuk gaji kakitangan. Dengan tujuan untuk mencari jalan menyelesaikan masalah ekonomi kesihatan ini secara berpanjangan dan perbelanjaan berkesan, Kementerian Kesihatan bercadang hendak mengadakan penelitian secara terperinci. Rancangan kewangan kami pada masa ini bertujuan seperti berikut:—

— Untuk merasional perkhidmatan-perkhidmatan yang ada sekarang demi mengurangkan perbelanjaan.

— Untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan kajiubut secara rasional.

— Untuk memajukan liputan maksima terhadap penduduk supaya menjadikan belanjawan perbelanjaan berkesan.

Walau bagaimanapun, soal-soal sekatan kewangan adalah masalah kecil sahaja. Batu penghalang utama dalam usaha kami menjayakan secara cepat matlamat kesihatan bagi semua adalah berupa kekurangan sangat tenaga manusia di semua peringkat, kekurangan kemudahan-kemudahan latihan di dalam negeri dan kurang menggunakan kakitangan-

kakitangan kesihatan terlatih yang ada sekarang.

Masalah-masalah yang berkaitan dengan pengurusan peringkat pertengahan telah juga melambatkan kemajuan. Demi mengatasi masalah ini, kami bekerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk menilai dan meningkatkan susunan dan potensi organisasi kami. Kami juga sedang bekerjasama dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam bidang-bidang lain seperti perkembangan bahagian kesihatan, penggunaan komputer berhubung dengan sistem-sistem maklumat perubatan dan kesihatan, menilai sistem pentadbiran kewangan termasuklah pembelian dan pembekalan serta mengadakan undang-undang kesihatan yang akan dapat menyelaraskan semua kerja kesihatan yang berkenaan di kementerian-kementerian lain supaya menjadikannya satu undang-undang yang tercantum.

Perkembangan infrastruktur telah pun lebih dititikberatkan sejak Brunei Darussalam mengambil alih tanggungjawab pemerintahan sepenuhnya. Rancangan pembangunan negara 5 tahun telah memperuntukkan kewangan yang cukup bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan-kawasan bandar dan pedalaman daerah-daerah.

Tuan Yang Dipertua, sejak pengisytiharan almarhum Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai Raja pada 1978, masalah ekonomi dunia telah melanda semua negara terutamanya negara-negara yang membangun yang sudah tidak terdaya menghadapinya kerana mempunyai sumber-sumber yang terhad. Keadaan ini bertambah buruk pula apabila peruntukan-peruntukan kesihatan yang lazimnya tidak memadai terpaksa banyak dikurangkan yang mengakibatkan

perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan dan kebajikan masyarakat tergendala dan ubat-ubatan serta kelengkapan-kelengkapan perubatan berkurangan. Pengangguran telah menyebabkan semakin banyak orang kurang khasiat makanan dan kadar kematian kanak-kanak yang berjaya diturunkan setelah bertungkus-lumus diusahakan telah naik kembali. Ketika negara-negara membangun terpaksa mengurangkan belanjawannya, terutamanya bagi perkhidmatan-perkhidmatan untuk masyarakat dan kebajikan, perlumbaan senjata semakin hebat diteruskan. Berjuta-juta dan malah berbilion-bilion ringgit dibelanjakan untuk menghasilkan senjata-senjata baru yang akan berkemampuan untuk menjahanamkan semua makhluk yang bernyawa di alam maya ini. Kecelakaan nuklear yang tidak ganas sekalipun pada tahun lepas telah menjejaskan dan sedang menjejaskan pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan kami. Kerana ianya tenaga manusia dan sebahagian kewangan kami digunakan untuk mengesan dan melaporkan pencemaran radio aktif pada barang-barang makanan yang didatangkan dari luar negeri. Jikalau sebahagian kewangan untuk membiayai perlumbaan senjata yang diperlukan ini digunakan untuk menjayakan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan, saya pasti, dunia kita ini akan menjadi tempat yang lebih baik dan sihat untuk didiami.

Oleh yang demikian, saya gembira sekali mendapat tahu bahawa tajuk-tajuk bagi perbincangan-perbincangan teknikal pada tahun ini ada berkaitan dengan dasar-dasar perseimbangan dalam perancangan kewangan, sumber-sumber mobilisasi, dan meng-

gunakan sumber-sumber kesihatan secara yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua,

Tidak ragu lagi, dengan bimbingan bijak tuan dan kearifan budi bicara tuan, hujah-hujah dan sokongan-sokongan kami bukan saja akan mendatangkan faedah kepada kita semua di peringkat pengurusan dan pembuatan dasar, tetapi juga akan dapat dihargai oleh rakan-rakan sejawat kita dalam bahagian-bahagian penyediaan peruntukan.

Tuan Yang Dipertua,

Pada akhir kata, saya berharap supaya semua perwakilan di perhimpunan ini akan memberikan sokongan mereka demi menolong jawatankuasa untuk memajukan strategi-strategi dalam usahanya untuk mengatasi masalah-masalah kesihatan yang pada masa ini dihadapi oleh banyak negara.

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan ikhlas kami kerana dukungan yang kami terima dari Pengarah Serantau, Dr. Hiroshi Nakajima serta kakitangan di Pejabat Rantau Pasifik Barat serta tidak lupa juga kakitangan di Pejabat Penyelaras di Kuala Lumpur kerana dukungan dan kerjasama mereka yang jujur sepanjang tahun lepas dan di harap dukungan serta kerjasama sedemikian akan berterusan di masa-masa akan datang.

Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan perwakilan kami, saya ingin melahirkan perasaan yakin kami bahawa hujah-hujah yang dilafaskan di Perhimpunan Kesihatan Sedunia ke-40 ini akan mendatangkan faedah. Kami mengucapkan syabas terhadap kejayaan yang berterusan dan usaha Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Terima kasih.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

SIRI-SIRI LATIHAN PERSEMBAHAN RANCANGAN RADIO

PERKEMBANGAN
Radio Brunei dari masa ke semasa begitu meningkat maju. Peningkatan ini adalah dari beberapa aspek yang sentiasa diambil kira oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Negara Brunei Darussalam. Antaranya ialah penggunaan alat-alat teknologi penyiaran yang agak moden. Dan, di samping itu pula jabatan ini sentiasa berusaha memberikan latihan-latihan profesional, khususnya dalam bidang media elektronik baik di dalam mahupun di luar negeri.

Baru-baru ini beberapa siri latihan persembahan rancangan radio telah diadakan di Radio Televisyen Brunei. Antara kursus-kursus tersebut ialah 'Kursus Rancangan Dokumentari Radio ASEAN', yang dianjurkan bersama oleh Jawatan kuasa Kebudayaan dan Penerangan (COCI) ASEAN dengan AUSTRALIA. Sementara, kursus yang satu lagi ialah 'Kursus Sebutan dan Persembahan', yang dianjurkan bersama oleh Unit Latihan Jabatan Perjawatan dengan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Dalam Kursus Dokumentari ASEAN-AUSTRALIA, beberapa orang penerbit-penerbit radio

dari negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan negara tuan rumah sendiri telah menyertainya. Matlamat kursus ini sebenarnya ialah untuk mengeratkan kerjasama serantau yang lebih positif dalam bidang kebudayaan dan penerangan, menerusi media elektronik.

Di samping itu, melalui kursus tersebut juga dihasratkan penerbit-penerbit radio dapat bertukar pandangan dan pengalaman, dan seterusnya mengetahui lebih lanjut lagi teknik-teknik pengendalian membuat rancangan radio, khususnya rancangan dokumentari radio.

Manakala kursus yang dianjurkan bersama oleh Unit Latihan Jabatan Perjawatan dengan Jabatan Penyiaran dan Penerangan pula adalah dikhusus-

kan kepada Juruhebah-Juruhebah, Penyiar-Penyiar Berita dan Penerbit-Penerbit Radio Brunei.

Antara matlamat 'Kursus Sebutan dan Persembahan' ini pula ialah untuk memperbaiki mutu persembahan dan penyampaian, terutamanya untuk memperbaiki cara-cara sebutan, agar sentiasa tepat dan betul.

Kursus-kursus yang dinyatakan di atas tadi tentulah membawa manfaat yang amat berfaedah sekali, terutamanya kepada mereka yang melibatkan diri di bidang penyiaran sebagai kerjayanya. Umpamanya, Kursus Dokumentari Radio ASEAN-AUSTRALIA, penerbit-penerbit Radio Brunei akan dapat berkongsi kemajuan dengan negara-negara membangun dan juga negara-negara maju. Terutamanya dalam mendapat-

kan idea-idea baru dan yang lebih berkesan.

Begitu juga Kursus Sebutan dan Penyampaian, ia akan dapat menghasilkan persembahan media elektronik yang bermutu timbal balik yang positif dari pendengar ataupun penonton adalah bergantung sepenuhnya kepada pengguna bahasa yang tepat dan betul, yang disampaikan menerusi alat 'mikrofon.'

Sandiwara Radio:

"HOI.....!"

JEFRI Ariff, Brunei, kembali lagi dengan karyanya yang bercorak jenaka khusus untuk pendengaran awda menjelang Hari Raya ini dengan skripnya yang berjudul "HOI!"

Drama "HOI!" bercorak semi-komedi masyarakat khususnya bagi golongan peniaga Melayu tempatan dan di samping itu juga ada menyelitikan unsur-unsur pengajaran dan teladan.

Di sebuah Pasar Rakyat, Mail bermusuhan dengan Wati dan ayahnya yang mempunyai kedai berhadapan di antara satu sama lain. Wati dan ayahnya tidak mahu mengalah lebih-lebih lagi apabila Mail dan Jali mengadakan tawaran potongan harga di kedai mereka.

Penulis juga menyelitikan peringatan kepada kita agar jangan mengamalkan sifat membazir dengan berbelanja secara besar-besaran untuk menyambut Hari Raya ini.

Seperti contoh yang tentang sifat malu yang sibuk mengutip tiket pemergaan mereka keluar untuk membeli-beli.

Bisnes mereka musim perayaan tambah lagi dan diadakan di Pasar Mail. Secara tidak langsung kan pula, mereka mempunyai gara bersebelahan di satu sama lain. Sendirinya, mereka semakin bahu lagi.

Dalam keadaan yang sibuk, tiba-tiba kedai ayah Wati curi orang Mail yang bertindak dengan curi berjaya menangkap curi tersebut.

Bagaimanakah hubungan di antara mereka? Jangan ketinggalan untuk mengikutinya nanti pada 24 Mei jam 11.30 pagi.

Rancangan ini akan oleh Haji Awg. Damit.

Mari Memasak:

NASI GORENG BERNANAS

Bahan-bahannya :

- 1 biji nenas sedang besarnya
- 4 cawan beras siam
- 400 gram udang basah
- 4 biji lada hidup
- 5 biji bawang merah
- 5 ulas bawang putih
- ½ cawan minyak makan
- sedikit serbuk kunyit
- Garam dan aji-nomoto secukupnya.

Untuk Hiasannya :

- Sedikit bawang goreng,
- daun sop dan daun bawang.

Cara-cara Membuatnya :

Beras dimasak seperti biasa. Nenas dibelah dua diambil isinya dan diperah airnya. Ugang buang kulitnya dan dicuci bersih. Bawang merah dan bawang putih dikisar. Lada merah dipotong-potong bulat. Panaskan minyak kemudian tumiskan bawang kisar tadi hingga wangi dan masukkan lada biarkan layu barulah masukkan udang. Bila setengah masak masukkan nasi, garam dan aji-nomoto sambil dikacau rata. Akhir sekali masukkan nenas yang di-

sediakan tadi, gaulkan rata-rata sehingga masak nenasnya. Bila menghidang masukkan ke dalam

lam kulit nenas dan kan bawang goreng sop dan daun bawang atasnya.

Rencana tempatan:

PERKHIDMATAN PENCEN-PENCEN NEGARA (bahagian II)

LAWATAN kakitangan Jabatan Pencen-Pencen Negara ke kampung-kampung di seluruh negara adalah merupakan perkara routine bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan berkenaan berjalan dengan baik, lancar dan teratur. Hasil dari lawatan tersebut, Jabatan Pencen-Pencen Negara telah dapat menyelenggarakan satu hasil kegiatan kragtangan orang-orang tua yang menerima kurnia pencen tua.

Selain dari itu, Jabatan Pencen-Pencen Negara tidak langsung memberi penerangan yang tul terhadap pentadbiran jabatan berkenaan dengan bungsannya dengan orang yang memerlukan bantuan. Dengan demikian segala Pencen-Pencen Negara akan dapat atasi.

Rancangan Dokumentasi tempatan 'Jabatan Pencen-Pencen Negara II' akan dilaksanakan pada hari Selasa, 24 Mei, 1987 kira-kira 9.00 malam.



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 13 Mei, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

- 1) Kurma Selected Date (Cap Bulan dan Bintang) — 200g sebungkus 90 sen.
 - a) Thye Seng Dept. Store B1 Jalan Robert.
- 2) Orange Sun Valley (Bru) 750ml sebotol \$2.30.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 3) Telur Ayam tempatan sepapan \$4.50.
 - a) Kedai Chop Suom Huat No. 28, Jalan Sultan.

SERIA

- 1) Kurma Selected Date (Cap Bulan dan Bintang) — 200g sebungkus 85 sen.
 - a) Kedai Foo Hap Shing No. 20, Jalan Sultan Omarali.
- 2) Orange Sun Valley (Bru) 750ml sebotol \$2.20.

- a) Kedai Yick Fatt Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

- 3) Telur Ayam tempatan sepapan \$4.50.
 - a) Yuan Ho Hiung No. 49, Jalan Bunga Kuning.

KUALA BELAIT

- 1) Kurma Selected Date (Cap Bulan dan Bintang) — 200g sebungkus 80 sen.
 - a) Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
- 2) Orange Sun Valley (Bru) 750ml sebotol \$2.10.
 - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
- 3) Telur Ayam tempatan sepapan \$4.50.
 - a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.



MINGGU INI

HARI RABU 20 MEI

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 3.47 AL-QURAN
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 FLINSTONE KIDS
- 4.30 CAMERA ON THE MOVE: "An Arabian Wedding"
- 4.55 DEFENDERS ON THE EARTH: "Mind Warriors" Bgh. II
- 5.20 MR BELVEDERE
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 APA TU AH?
- 6.18 MENJELANG SUNGKAI
- 6.28 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.33 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.43 SELINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE LAST PRECINCT: "Mr Cool"
Untuk memerangkap seorang ahli kumpulan penjahat, Mumbo Bob, precinct yang ke-56 mengaturkan satu upacara perkahwinan olok-olok antara Mei dan Spanish Johnny, untuk memberikan bukti kepada ketuanya.
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.47 LAST PRECINCT — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 SUDUT PELITA
- 8.45 BIMBINGAN ISLAM
- 8.55 SELERA ASLI: "Daging Gulai Kampung"
- 9.03 LIPUTAN NASIONAL
- 9.35 REKASENI (ulangan)
- 10.00 THAT'S MY BOY: "Baby Blues"
- 10.25 BENSON AND HEDGES SNOOKER: Semi-final Bgh. I
- 11.15 LOVEJOY: "Death In Venice" Bgh. I
- 12.15 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI KHAMIS 21 MEI

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
 - 3.47 AL-QURAN
 - 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
 - 4.00 SESAME STREET
 - 4.55 BERENSTEIN BEARS
 - 5.20 ONCE UPON A TIME: "The Crow And The Clam" (ulangan)
 - 5.35 LET'S GO MATHS
 - 5.45 RINGKASAN BERITA
 - 5.50 GHOSTBUSTERS: "Going Ape"
 - 6.18 MENJELANG SUNGKAI
 - 6.28 BEDUK / AZAN MAGHRIB
 - 6.33 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
 - 6.43 SELINGAN
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
 - 7.17 SHELL GAME: "Episod Pengenalan" Bgh. I
Seorang penerbit rancangan TV setempat menjadi ahli mesyuarat yang dihormati bersama bekas isterinya yang menjadi pembantunya kerana menghasilkan sesuatu yang menda-tangkan faedah kepada orang ramai.
 - 7.42 AZAN ISYAK
 - 7.47 SHELL GAME — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.40 BIMBINGAN ISLAM
 - 8.50 SELERA ASLI: "Kuih Kochi"
 - 9.00 HIDAYAT
 - 9.30 DUNIA MINGGU INI
 - 10.00 HARDCASTLE AND McCORMICK

- 10.50 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "Terms Of Endangerment"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR: "International Velvet"
- 12.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI JUMAAT 22 MEI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.49 HIDAYAT — sambungan
- 1.00 MR T (Siri baru)

PETANG

- 1.25 ITALIAN FOOTBALL 1986/1987
- 2.15 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 2.40 ANDY ROBSON: "Pitbol" (Episod akhir)
- 3.05 AL-KISAH: "Ayam Dengan Sebiji Padi" (ulangan)
- 3.20 LIFE WITH LUCY
- 3.41 AZAN ASAR
- 3.46 LIFE WITH LUCY — sambungan
- 3.55 ODYSSEY FEATURES: "Perfect Woman" Bgh. I
- 4.45 Q.E.D.: "Bugging In Six Easy Lessons"
- 5.15 YOU AGAIN: "The Strike"
Henry memujuk Max, pekerja ekesutif di mana dia bekerja supaya memberikan anak lelaki, Matt pekerjaan sebagai seorang kerani di salah sebuah pasaraya kepunyaan mereka. Di hari pertama Matt memegang jawatan itu, dia menyertai pemogok-pemogok di tempat dia bekerja.
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MUPPET BABIES
- 6.18 MENJELANG SUNGKAI
- 6.28 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.33 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.43 SELINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 HOT PURSUIT: "Home Is Where The Heart Is" Bgh. I
Jim mengetahui bahawa saudara perempuannya telah meninggal dan membantah kehendak bapanya, Kate dan Jim mengetahui Shaw dan pihak yang berkuasa menunggu kepulangan mereka, untuk melihat saudara perempuannya sekali lagi.
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.47 HOT PURSUIT — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 SELERA ASLI: "Madu Kesirat"
- 9.00 LIPUTAN NASIONAL
- 9.30 DOCUMENTARY: ARCHITECTURE AT THE CROSSROADS: "Texas: Instant Cities"
- 10.20 MIAMI VICE: "The Dutch Oven"
- 11.05 KNOTS LANDING: "The Key To A Woman's Heart"
- 12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SABTU 23 MEI

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 3.47 AL-QURAN
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 SESAME STREET
- 5.00 DOCUMENTARY: 360 DEGREES
- 5.25 VALERIE

- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 VALERIE — sambungan
- 5.55 THUNDERCATS
- 6.18 MENJELANG SUNGKAI
- 6.28 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.33 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.43 SELINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE WIZARD: "Nobody's Perfect"
Dalam episod minggu ini Simon dan Alex cuba menyelamatkan Harry dari d'culik oleh Pranksi dan Moss kerana Harry dapat mencipta satu alat yang Pranksi perlukan untuk menghapuskan bukti yang boleh mengesahkan bahawa ia bersalah.
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 THE WIZARD — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 SELERA ASLI: "Pais Udang"
- 9.00 LIPUTAN NASIONAL
- 9.30 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Suara Kekasih"
- 11.00 UNDER SEIGE (Episod akhir)
- 12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI AHAD 24 MEI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 REAL PEOPLE
- 12.19 AZAN ZUHUR
- 12.24 REAL PEOPLE — sambungan
- 1.10 TAYANGAN GAMBAR: "Cactus Jack"
- 2.40 SMURFS
- 3.05 SILVERHAWK
- 3.42 AZAN ASAR
- 3.47 DRAMA (SBC): "Sisa-sisa Hidup"
- 4.15 SPORTS
- 5.15 AGRICULTURE: "Animal By-Product"
- 5.30 GROWING PAINS: "Dirt Bike"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GROWING PAINS — sambungan
- 6.00 SELINGAN
- 6.18 MENJELANG SUNGKAI
- 6.28 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.33 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.43 SELINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 OUR HOUSE
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 OUR HOUSE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 SUDUT ASIA
- 9.20 MARI MEMASAK: "Nasi Goreng Bernenas"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
- 9.45 DOCUMENTARY
- 10.30 HEAD OF THE CLASS: "Charlie Gate"
- 11.00 SPEARFIELD'S DAUGHTER (Siri baru)
Sebuah siri baru yang mengandungi enam episod yang mengisahkan tentang seorang wartawan muda, Cloe Spearfield, yang dinamik, berjuang untuk meningkat daya-usahanya dalam persaingan-persaingan perusahaan dan berazam untuk meneruskannya.
- 11.50 THE EDGE OF DARKNESS (Siri baru)
- 12.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI ISNIN 25 MEI

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 3.47 AL-QURAN
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 WILDFIRE: "Dragon Of Dar-Shan"
- 5.20 TOM AND JERRY (Episod akhir)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW
- 6.19 MENJELANG SUNGAI
- 6.29 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.44 SELINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 STINGRAY
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 STINGRAY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 SELERA ASLI: "Seri Rupa"
- 9.00 LIPUTAN NASIONAL
- 9.30 BELIA
- 9.50 SUPERSTARS OF WRESTLING
- 10.40 TAYANGAN GAMBAR: "A Reason To Live"
- 12.20 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SELASA 26 MEI

PETANG


- 3.45 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 3.47 AL-QURAN
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 THE BOOK TOWER
- 4.30 THE KID FROM 47A: "The Row"
Perpecahan yang tidak dapat dielakkan akan berlaku di setiap keluarga dari masa ke masa. Perkara ini berlaku kepada Gathercoles apabila semangat ingin hidup sendiri menyelubungi mereka dan bercadang untuk tinggal berasingan dengan cara hidup sendiri. Tetapi cadangan mereka ini nampaknya menemui jalan buntu.
- 4.55 PUNKY BREWSTER: "Unidentified Flying Glomer"
- 5.20 MARI MEMASAK: "Nasi Goreng Bernenas"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 CHARLES IN CHARGE
- 6.19 MENJELANG SUNGAI
- 6.29 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.44 SELINGAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 STARMAN: "The Probe"
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.48 STARMAN — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 SELERA ASLI: "Kabur-Kabur"
- 9.00 RENCANA TEMPATAN: Perkhidmatan Pencen-Pencen Negara Bgh. II
- 9.30 EGYPTIAN DOCUMENTARY
- 10.00 DREAM WEST (Episod akhir)
- 11.00 EASY STREET: "My Dinner L.K."
- 11.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.



ROYAL BRUNEI KERJAYA YANG PALING MENCABAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Jadilah seorang pelatih Juruterbang Diraja Brunei

Ikutilah jejak langkah mereka.

Sekarang terdapat empat orang anak tempatan 'First Officer' yang bertauliah penuh yang sedang menerbangkan pesawat B737 dan B757 kita

Mereka telah menuntut di salah satu tempat penerbangan yang paling baik di United Kingdom dan membawa pesawat penerbangan di New Zealand. Mereka telah menjalani latihan yang pesat supaya mereka boleh menerbangkan pesawat-pesawat dengan penuh yakin.

Satu kerjaya yang penuh mencabar dan bertanggungjawab.



Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Penerbangan Diraja Brunei menawarkan dermasiswa kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi membolehkan pemuda-pemuda untuk menjalani kursus pelatih juruterbang.

Keperluan dan kelayakan pemohon:

1. Calon-calun mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai rekod kesihatan dan penglihatan yang baik.
2. Berumur lebih 17 tahun.
3. Mempunyai kelulusan 5 kepujian dalam peperiksaan peringkat biasa termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Ilmu Sains. Mempunyai kelulusan dalam peringkat tertinggi adalah kelebihan.

Mereka yang berminat dalam kerjaya ini adalah diminta menulis dan memberi keterangan masing-masing kepada Pejabat Kakitangan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Peti Surat 100, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat Mei, 1987.

**MASUKILAH KERJAYA TENTERA
ANGKATAN BERSENJATA
DIRAJA BRUNEI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**



**PENGAMBILAN WANITA
YANG KE-13 BERAKHIR
PADA 22 JULAI 1987
MENDAFTARLAH
DARI SEKARANG**



Mendaftari lah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkiah
Negara Brunei Darussalam

Nama :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Umur :
Alamat Sekarang :
Kelulusan Sekolah :
Nama Ayah / Penjaga :
No. Kad Pengenalan : Warna :
Tarikh Lahir : Tempat Lahir :
Alamat Sekarang :
No. Telefon Rumah/Pejabat :
Tandatangan : Tarikh :

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Dayang-Dayang mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan Tiga Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun dan masih bujang.
4. Berat badan tidak kurang dari 44.10 kg, tinggi tidak kurang dari 1.45 meter dan berbadan sihat.
